2 MAR 1982

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Berita Harian
AKHBAR RAKYAT, AKHBAR ANDA

SELASA, 2 MAC, 1982

RENCANA PENGARANG

KEMUNGKINAN DARI KUNJUNGAN DR. MAHATHIR

SERI Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berangkat mengunjungi Arab Saudi baru-baru ini. Mulai Sabtu lepas pula Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, memulakan lawatan lapan hari ke negara-negara Teluk — Bahrain, Emiriyah Arab Bersatu dan Oman — dan kemudian ke Jeddah. Kekerapan kunjungan rasmi ini dan keutamaan yang diberikan kepada tiap satu darinya adalah selaras dengan dasar luar Malaysia yang memandang negara-negara Islam sebagai yang kedua pentingnya selepas Asean.

Di samping itu, kerakraban hubungan antara Malaysia dengan negara-negara Arab tersebut yang pasti timbul dari kunjungan-kunjungan begini nescaya akan menghasilkan faedah timbal-balik. Selain mengeratkan persahabatan dan persaudaraan Islam yang sedia wujud, Perdana Menteri juga akan berbincang mengenai kerjasama ekonomi, pelajaran, agama dan pelaburan. Sebagai negara-negara yang kaya dengan hasil minyaknya dan terkemuka dalam bidang keagamaan, tidak syak lagi negara-negara tersebut dapat memberi sumbangan yang besar terhadap pembangunan rohani dan jasmani Malaysia.

Kita sedang berusaha berkembang ke bidang perusahaan berat. Dalam hubungan ini Jeddah telah pun menyatakan hasratnya untuk melabur dan membantu kita, dan inilah tentunya salah satu perbincangan penting yang pasti timbul antara Perdana Menteri dengan pemimpin-pemimpin Arab Saudi nanti. Penyertaan yang sama adalah kita harapkan dari negara-negara Teluk itu.

Kemungkinan pelaburan besar-besaran negara-negara Arab tersebut dalam perusahaan berat dan lain-lain perusahaan di sini sebenarnya cerah. Pakar-pakar ekonomi dunia meramalkan bahawa negara-negara pengeksport utama minyak itu akan mengalami kurangan kira-kira kewangannya tahun ini dan tahun depan berikutan dari harga minyak mentah yang dijangka akan tetap pada paras sekarang, sedang kos import yang mereka tanggung terus meningkat. Satu-satunya cara bagi negara-negara tersebut dapat mengimbangi kurangan ini ialah dengan meningkatkan pelaburannya di luar negeri. Keperluan kepada pelaburan di luar negeri yang lebih besar inilah, dan peluang baginya di Malaysia, yang mencerahkan harapan kita.

Dalam masa yang sama Malaysia juga sedang berusaha meluaskan lagi pasaran bagi hasil-hasil utamanya. Minyak sawit dan koko adalah hasil utama yang tentunya boleh mendapat pasaran lebih luas di negara-negara tersebut. Dalam bidang agama dan pelajaran pula kunjungan Perdana Menteri itu tentunya akan mempercepat lagi tertubuhnya Universiti Islam Antarabangsa yang dirancangkan itu. Negara-negara tersebut mempunyai keupayaan kewangan dan kepakaran yang bukan kecil untuk membantu menghasilkan cita-cita murni demi kepentingan Islam ini.